

04/06/2000

Ikim anjur seminar antarabangsa

KUALA LUMPUR: Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) akan menganjurkan seminar antarabangsa Peningkatan Kefahaman Islam Untuk Media selama tiga hari bermula 1 Julai ini.

Seminar yang diadakan di Ikim, di sini, akan dijadikan landasan perbincangan dan bertukar-tukar pendapat mengenai kefahaman media di kalangan masyarakat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka merasmikan seminar itu.

Ikim dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini berkata, Islam sering dilabelkan sebagai agama untuk bangsa Arab saja, primitif, tidak bertamadun, fanatik, poligami dan antiwanita.

Islam juga sering disalah tafsir oleh media Barat sebagai agama yang mengalakkan keganasan.

Sehubungan itu, melalui seminar itu, Ikim berharap imej Islam dapat diperbetulkan.

"Media adalah saluran paling sesuai menyebarkan salah faham ini, dan media juga alat yang boleh menangkis dakwaan tidak benar itu," katanya.

Ikim berkata objektif seminar itu juga, ialah menonjolkan kejayaan Malaysia sebagai sebuah negara Islam dari segi ekonomi dan sosial.

Antara panel yang mengambil bahagian dalam seminar itu ialah Rektor Universiti Islam Antarabangsa Prof Dr Mohamad Kamal Hassan, Ketua Pengarah Ikim, Datuk Dr Ismail Ibrahim dan Penasihat Editorial Kumpulan The New Straits Times Press Berhad, Datuk Mazlan Nordin.

Pengarang kanan, wartawan, penganalisis berita, tokoh agama dan ahli akademik yang berminat menyertai seminar ini boleh menghubungi Sarina Othman atau Shamsul Kamal di talian 03-6510889 atau 03-6519741.

Mereka juga boleh mendaftar melalui laman web Ikim di alamat [www.ikim.gov.my/s301-reg.htm](http://www.ikim.gov.my/s301-reg.htm).

(END)